

ISU DALAM PENDIDIKAN TAHFIZ : SATU ANALISIS

Mardhiah Binti Yahaya

mardhiah@kuis.edu.my

Zetty Nurzuliana Binti Rasheed

zetty@kuis.edu.my

Aslam Farah Binti Selamat

aslamfarah@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Perkembangan terkini menunjukkan bahawa sekolah aliran menghafal al-Quran atau Institut tahfiz di Malaysia kini mula mendapat perhatian istimewa dari masyarakat dan membangun dengan begitu pesat sekali. Setiapnya menawarkan kepelbagaian sistem dan pendekatan yang tersendiri. Perkembangan kepelbagaian ini pastinya mempunyai kelebihan dan kelemahan serta memberi kesan dan impak yang besar kepada generasi masa hadapan khususnya kepada sistem pendidikan Negara. Terdapat beberapa perkara penting yang perlu di ambil serius oleh institusi tahfiz di Malaysia demi menjayakan matlamat dan objektif sesebuah institusi. Khususnya dalam pentadbiran institusi tahfiz, pengajaran dan pembelajaran (PdP) al-Quran termasuklah dari sudut kaedah dan teknik yang di gunakan dalam PdP, dan ciri-ciri guru. Kajian ini akan membincangkan beberapa hal-hal yang perlu dipandang serius agar permasalahan di dalam pendidikan tahfiz dapat mengorak langkah ke arah yang lebih tersusun mengikut tasawur ilmu dari wujudnya penambahbaikan.

Kata kunci : *tahfiz, isu, pengajaran dan pembelajaran, guru tahfiz*

PENDAHULUAN

Pendidikan al-Quran telah wujud sejak berabad lamanya bermula ketika Nabi Muhammad s.a.w sedang beribadat di Gua Hira' (Kamarul Azmi & Aderi 2015). Malaikat Jibril a.s. di utuskan kepada Rasulullah s.a.w sebagai guru, membaca kepada baginda dan baginda diminta untuk mendengar dan memerhatikan bacaan Jibril a.s. Kemudian baginda menyampaikan kepada para sahabat dengan kaedah yang sama. Lalu, pengajaran al-Quran yang di sampaikan oleh Rasulullah berkembang sehingga ke

Madinah sehingga melahirkan huffaz terkenal antaranya Abu Bakar, Uthman, Ali Ibn Masud, Aishah dan Hafsa (al-Buti, 1991).

Pengajaran dan pembelajaran sebegini turut berlaku sehingga ke hari ni atau lebih dikenali sebagai talaqi. Guru yang mengajar al-Quran perlu memenuhi syarat tasawur ilmu dalam al-Quran agar penyampaian tidak terpesong iaitu berpegang kepada bacaan dari Rasulullah, Pelbagai isu berkaitan dengan pendidikan tahfiz telah hangat diperbincangan dalam kalangan akademik demi menjadikan pendidikan tahfiz ini lebih terarah dan tersusun dari segala sudut. Antaranya ialah berkaitan dengan pengurusan pendidikan yang lemah, kekangan sumber kewangan dan kemerosotan pendidikan pelajar tahfiz.

KELEBIHAN MENGHAFAZ AL-QURAN

Mukjizat yang teragung yang diturunkan kepada Rasulullah s.a.w adalah al-Quran di mana di dalamnya terdiri daripada 114 suran dan 30 juzuk adalah satu-satunya kitab yang boleh dihafaz secara keseluruhannya. Ini merupakan satu kelebihan yang telah diberi oleh Allah kepada umat Nabi Muhammad s.a.w dan menyifatkan penghafaz al-Quran sebagai rahmat dan hamba-hamba pilihannya. Firman Allah s.w.t.:

وَالَّذِي أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ هُوَ الْحَقُّ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ إِنَّ اللَّهَ بِعِبَادِهِ

لَخَبِيرٌ بَصِيرٌ ﴿١٦﴾ ثُمَّ أَوْرَثْنَا الْكِتَابَ الَّذِينَ اصْطَفَيْنَا مِنْ عِبَادِنَا فَمِنْهُمْ ظَالِمٌ

لِنَفْسِهِ وَمِنْهُمْ مُقْتَصِدٌ وَمِنْهُمْ سَابِقٌ بِالْخَيْرَاتِ بإِذْنِ اللَّهِ ذَلِكَ هُوَ الْفَضْلُ

الْكَبِيرُ ﴿١٧﴾

Terjemahannya :

“Dan al-Quran yang Kami wahyukan kepadamu (Wahai Muhammad) ialah yang benar (segala-galanya) yang tetap mengesahkan Kitab-kitab yang diturunkan sebelumnya. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui dengan sedalam-dalamnya akan keadaan sekalian hamba-Nya, lagi Maha melihat dan memerhatikan. Kemudian Kami jadikan al-Quran itu diwarisi oleh orang-orang yang Kami pilih dari kalangan hamba-hamba kami; maka di antara mereka ada yang berlaku zalim kepada dirinya

sendiri (dengan tidak mengindahkan ajaran al-Quran), dan di antaranya ada yang bersikap sederhana, dan di antaranya pula ada yang mendahului (orang lain) Dalam berbuat kebaikan Dengan izin Allah. Yang demikian itu ialah limpah kurnia yang besar (dari Allah semata-mata).

Mereka yang menghafaz al-Quran akan dikurniakan dengan pelbagai kelebihan bukan sahaja ganjaran di dunia malah juga di akhirat. Menurut Ismail Masyhuri al-Hafiz (1993:87-90), di antara kelebihan yang diperoleh oleh penghafaz al-Quran adalah perlindungan dari Allah s.w.t, menjadi umat Nabi Muhammad yang mulia, tidak merasa takut pada hari kiamat. Selain dari itu, golongan ini juga adalah pihak yang paling layak di angkat sebagai pemimpin seperti disebut dalam hadis yang bermaksud:

“Yang menjadi imam suatu kaum adalah yang paling banyak hafalannya.”
(Riwayat Muslim)

Selain mendapat ganjaran dan kelebihan buat diri sendiri, ibu bapa kepada penghafaz al-Quran juga akan mendapat kemuliaan di sisi Allah s.w.t. Hadis nabi yang lain ada menyebut yang bermaksud :

“ Sesiapa membaca Al Quran dan beramal dengan apa yang terkandung dalamnya maka kedua dua ibu bapanya akan dipakaikan mahkota pada hari kiamat yang sinaran mahkota itu akan melebihi daripada cahaya matahari , sungguhpun matahari itu berada di dalam rumah rumah kamu di dunia ini.
(Riwayat Imam Ahmad , Abu Daud)

Selain dari itu, mendapat ganjaran yang berlipat ganda dari Allah sangat diharapkan dr setiap hamba-hambanya. Ia merupakan rahmat dan nikmat yang paling besar dari Allah. Mereka yang membacanya mendapat ganjaran yang besar dari Allah, apatah lagi yang mengulanginya berulang kali untuk menghafaz dan *murajaah* untuk mengingat ayat al-Quran ini. Ini telah disebut dalam Riwayat Tarmizi yang bermaksud :

“Sesiapa yang membaca satu huruf daripada kitab Allah (al-Quran) maka baginya (pembaca) dengannya (al-Quran) pahala dan pahala digandakan sepuluh sebagaimana. Aku tidak kata bahawa “alif laam mim” itu satu huruf tetapi alif satu huruf, lam satu huruf dan mim itu satu huruf.

Imam Badr al-Din Muhammad bin Abdillah al-Zarkasyi (1981) menyatakan : “Mempelajari al-Quran hukumnya fardu kifayah, demikian juga memeliharanya (iaitu menghafaznya). Maka ia juga wajib (kifayah) bagi setiap umat.” Kesimpulannya, umat Islam memerlukan sejumlah para huffaz untuk menjaga keaslian dan kesucian al-Quran.

ISU PENDIDIKAN TAHFIZ

Berdasarkan kelebihan dan ganjaran yang telah Allah kurniakan kepada umat Nabi Muhammad s.a.w, menjadi tanggungjawab kepada ahlinya memelihara kesucian dan keaslian ayat suci al-Quran agar tidak tersasar dari landasanya tawasur ilmunya. Terdapat beberapa perkara dan isu yang timbul memandangkan kepesatan pembangunan institusi – institusi tahfiz semakin meluas di negara ini.

Antara isu yang dikenal pasti dibangkitkan dalam pendidikan tahfiz yang pertama ialah pengurusan pendidikan tahfiz yang lemah. Kamarudin (1989) menyatakan bahawa pengetua merupakan watak utama di dalam sistem sekolah. Manakala menurut Alimuddin (2006) pula, kecemerlangan sesebuah sekolah bermula dari peranan pentadbir. Dalam kajian lain, Zainal (1987), sebagai seorang pentadbir, pengetua perlu membawa pegawai-pegawai di bawahnya dan keperluan organisasi ke dalam bentuk kesepaduan bagi mencapai operasi yang berkesan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa ketua dalam sesebuah organisasi terutamanya institusi tahfiz ini perlu lebih kreatif, bijak merangka strategi dan yang lebih penting mereka ialah ahli dalam bidang tahfiz ini.

Isu yang kedua pula ialah, kaedah dan teknik pengajaran tahfiz. Menurut Azmil (2010), kebanyakan institusi tahfiz yang wujud masih lagi bergerak dalam haluan mereka sendiri tanpa modul pengajaran yang standard diguna pakai. Akibatnya, tenaga pengajar bebas menggunakan kaedah dan teknik dari rasa dan latar belakang individu tersebut. Kajian Mardhiah (2017), hampir separuh pelajar MRSM Ulul Albab tidak dapat menghabiskan hafalan mereka sehingga tamat pengajian 5 tahun seperti mana yang telah di pengajian tersebut. Begitu juga dengan kajian Misnan dan Ahmad Sadadi (2003) menyatakan bahawa pelajar tidak dapat menamatkan hafalan al-Quran mengikut jadual yang telah ditetapkan iaitu 30 juzuk dalam masa 6 semester.

Manakala isu yang ketiga ialah berkaitan dengan ciri-ciri guru yang mengajar subjek hafazan. Hal ini lebih di pandang serius apabila Prof Dato Dr Ab Halim Tamuri ada menyatakan dalam pembentangannya di dalam Wacana Cendekian Institusi Alam dan

Tamadun Melayu (ATMA) di UKM pada 8 Januari 2018 yang menyebut bahawa Institut Latihan Guru Tahfiz perlu ditubuhkan bagi menyelaraskan kokurikulum dan kaedah pengajaran standard di sekolah tahfiz. Prof Datuk Dr Zakaria Stapa juga ada menyatakan dalam pembentangan wacana yang sama bahawa masyarakat tidak boleh menganggap guru terlatih dalam pendidikan Islam boleh menjadi guru tahfiz yang baik untuk mengajar kerana cara pengajaran tahfiz memerlukan pengkhususan. Manakala kajian Mardhiah (2017) menyatakan bahawa 40% guru yang bukan dalam bidang tahfiz bertugas sebagai guru hafazan ni MRSM Ulul Albab (Gemencheh, Kota Putra dan Kepala Batas). Manakala yang ada latihan dalam bidang tahfiz hanya 20 daripada 62 orang guru di MRSM Ulul Albab.

Selain dari itu, konsep kesepaduan disifatkan masih lemah kerana ketiadaan model yang jelas dan ketiadaa guru yang berwibawa. Konsep kesepaduan yang wujud di institusi tahfiz terutamanya institusi tahfiz sains sangat berat dan mencabar kemampuan pelajar. Dalam kajian Hisham (2014) menyatakan bahawa komponen agama dan ilmu waqie secara serentak dalam satu sesi pembelajaran beserta dengan subjek hafazan yang ada, mengakibatkan waktu pembelajaran terlampau padat. Akibat dari sistem ini, pelajar perlu belajar selama hampir 12 jam bermula dari jam 7.30 pagi sehingga 4.30 petang dan bersambung dengan kelas tambahan di sebelah malam. Kajian Mardhiah (2017) menyatakan bahawa, punca pelajar tidak dapat menghabiskan muqarar al-Quran kerana masa yang terlalu padat dan kegagalan pelajar mengatur masa dengan baik. Lebih merugikan lagi apabila waktu kelas tasmik dipindahkan kepada subjek akademik untuk memberi laluan pelajar memberi tumpuan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Adakah dengan mengaji al-Quran akan menjadikan pelajar kurang fokus dengan subjek akademik? Adakah dengan mengaji al-Quran akan menjadi masa pelajar-pelajar kurang masa untuk belajar subjek akademik? Ini dapat menunjukkan bahawa punca ketiadaan model yang jelas menjadikan sesebuah institusi tahfiz bergerak dengan haluan sendiri seperti mana yang telah disebut dalam kajian Azmil pada tahun 2010.

Isu-isu yang berbangkit ini harus diberi perhatian dan penyelesaian dengan segera agar institusi-institusi tahfiz yang semakin lama semakin banyak yang tertubuh di Malaysia ini lebih terarah dari segi kurikulum serta aktiviti yang akan dilaksanakan. Perkara-perkara yang ditimbulkan ini bukanlah perkara remeh temeh yang perlu di lengah-lengahkan. Ia mengaitkan isu pendidikan dan keluaran huffaz-huffaz pada masa 10-15 tahun akan datang. Menjadi tanggungjawab kepada kerajaan mempunyai dasar dan perancangan yang lebih jelas untuk melaksanakan konsep pendidikan ini.

ANALISIS TERHADAP ISU

Kesedaran umat Islam terhadap kepentingan dan kebaikan menghafaz al-Quran mendorong ibubapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah agama yang menyediakan pengajian tahfiz al-Quran di samping mata pelajaran agama dan akademik. Di samping sekolah-sekolah agama yang sedia ada, lebih banyak pusat-pusat pengajian dan institut al-Quran didirikan bagi memenuhi permintaan terhadap pengajian tahfiz al-Quran. Para dermawan dan orang berada tampil ke hadapan untuk menjadi penaja pelajar hafiz dan kelas-kelas tahfiz al-Quran yang ditubuhkan. Minat masyarakat terhadap pendidikan agama sangat tinggi.

Permintaan ibubapa untuk menghantar anak-anak ke sekolah agama melebihi dari tawaran dan kesanggupan pihak yang menyediakannya. Perkembangan terkini menunjukkan bahawa sekolah aliran menghafal al-Quran atau tahfiz al-Quran mula mendapat perhatian masyarakat. Apa yang menarik ialah setiapnya menawarkan pendekatan dan rekabentuk kurikulum yang pelbagai dan tersendiri.

Penubuhan institusi tahfiz yang sesuai perlu bagi melahirkan huffaz yang cemerlang bukan sahaja duniawi malah ukhrawi. Kini terbukti, kecemerlangan pelajar kebanyakannya dari institut atau sekolah integrasi tahfiz. Contohnya pencapaian SPM 2017, pelajar cemerlang SPM iaitu Husna Mardhiyyah dari Sekolah Menengah Imtiaz Kuala Berang yang mana sekolah tersebut muncul sebagai sekolah terbaik di Hulu Terengganu (Sinar Online). Antara tips kejayaan yang dikongsi olehnya menyatakan perkara pertama yang beliau mulakan dahulu adalah dengan bacaan al-Quran. Komunikasinya yang sangat teratur dan sopan melambangkan huffaz yang cemerlang. Ini menunjukkan beberapa bukti bahawa sekolah ini berjaya melahirkan individu muslim yang cemerlang bukan sahaja dari segi akademik malah rohani. Isu pengurusan tahfiz perlu diambil serius bagi memperkasakan lagi kualiti pendidikan tahfiz. Pengurus sekolah perlu tingkatkan lagi aspek latihan dan kualiti pengajaran guru-guru tafiz.

Pendidikan Tahfiz al-Quran cara moden bermaksud pendidikan yang mempunyai struktur yang tersusun, meliputi sudut pengurusan, kurikulum dan kemudahan strukturnya. Pendidikan cara moden ini dianjurkan oleh pihak kerajaan pusat atau kerajaan negeri. Manakala Pendidikan Tahfiz cara tradisional pula bermaksud pendidikan yang tidak tersusun dengan baik dari sudut pentadbiran, kurikulum dan kemudahan infrastukturnya seperti sistem pendidikan Pondok. Lazimnya pendidikan secara tradisional ini dikelolakan oleh orang perseorangan atau swasta (Wan Mohamad 1997).

Matlamat penubuhan dan kaedah pelaksanaan setiapnya berbeza-beza antara satu-sama lain. Sebahagian daripadanya memberi penumpuan sepenuhnya kepada aspek hafazan al-Quran sematamata. Manakala sebahagiannya yang lain memberi perimbangan kepada beberapa komponen lain dengan kadar yang berbeza-beza selain daripada hafazan al-Quran seperti pengajian akademik (yang ditawarkan oleh sekolah aliran perdana), pengajian kitab kuning (turath) dalam bahasa Arab di pondok-pondok, aliran sains, kemahiran-kemahiran tertentu (seperti vokasional) dan lain-lain (Noorhisham Nawi et al 2014). Perkembangan pengajian tahfiz di Malaysia kebanyakan negeri bergerak dengan haluan sendiri berdasarkan kemunculan sekolah tahfiz swasta dan sekolah tahfiz rakyat. Akibatnya setiap negeri atau pengusaha tahfiz terlalu bebas memakai mana-mana kurikulum dan kaedah pengajaran dari mana-mana negara mengikut rasa dan latar belakang pendidikan individu guru berkenaan (Azmil Hashim 2010).

Guru memainkan peranan penting dalam pembentukkan pelajar bukan sahaja dalam menyampaikan ilmu bahkan membentuk pelajar sebagai persediaan kepada kehidupan seterusnya. Penyediaan guru yang berkelayakkan perlu diperketat agar matlamat dan objektif pendidikan tahfiz lebih lancar mengikut perancangan seperti yang telah di rangka.

Faktor yang telah dikenalpasti punca kelemahan dalam pencapaian tahfiz ini adalah kelemahan dalam kaedah pengajaran tahfiz dan guru masih menggunakan kaedah tradisional dalam proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz (Mohamad Marzuqi 2008; Azmil Hashim 2010) walaupun mereka bersetuju dengan berkeyakinan penggunaan teknologi membantu dalam meningkatkan mutu hafazan al-Quran. (Mohamad Marzuqi 2008).

Selain itu, kelemahan dalam pencapaian hafazan pelajar juga dikenal pasti berpunca daripada kekurangan dalam strategi gaya pembelajaran tahfiz iaitu, pelajar tidak mempunyai strategi, kaedah dan motivasi dalam pembelajaran tahfiz (Misnan dan Ahmad Sadadi, 2003; Azmil Hashim, 2010). Proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz yang tersusun masih belum dapat dilaksanakan dengan sempurna kerana kemahiran ikhtisas perguruan yang ditawarkan dalam institusi-institusi pendidikan tidak banyak menyumbang dalam kemahiran ikhtisas perguruan tahfiz (Azmil Hashim et. al., 2013).

KESIMPULAN

Al-Quran merupakan kalam Allah atau kata-kata Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad saw kepada umatnya sebagai panduan kehidupan manusia seluruhnya. Al-Quran merupakan mukjizat Nabi Muhammad saw yang terpelihara sehingga hari perhitungan. Allah menurunkan Al-Quran kepada semua hambaNya sebagai pegangan yang kukuh, agar dalam setiap kehidupan makhlukNya berada di dalam rahmat dan keberkatanNya. Pendidikan tahfiz pada masa kini merupakan satu aliran pendidikan yang semakin mendapat tempat. Harapan yang besar diletakkan bagi memastikan pendidikan tahfiz berupaya melahirkan generasi al-Quran yang dapat membangunkan kesejahteraan negara. Namun, cabaran yang melingkari pendidikan tahfiz tidak kurang hebatnya.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Imam Badr al-Din Muhammad bin Abdillah al-Zarkasyi. 1957. *Al-Burhan fi al-Ulum al-Quran*.

Azmil Hashim (2010). *Penilaian peraksanaan kurikulum Tahfiz al-Quran di Darul Quran JAKIM dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran Negeri* Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor

Haji Alimuddin. (2006). Profil Tumpuan Guru Sekolah Menengah Di Negeri Selangor Terhadap pelaksanaan Perubahan Kurikulum. *Jurnal Pendidikan* 27 (1), 165-178.

Jemali, M., & Ahmad Sadadi, H. (2003). *Hubungan antara kaedah Menghafaz Al-Quran dengan pencapaian kursus Tahfiz WA Al-Qira'at pelajar semester empat dan lima di Maahad Tahfiz Wal Qira'at di Perak*. Kertas kerja dibentang di Seminar Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz al-Quran Peringkat Kebangsaan. Kolej Universiti Islam Malaysia, Melaka.

Kamarul Azmi, Mohd Aderi Che Noh. (2013). Bengkel Penghayatan dan Pengamatan (PdP) di SRA JAWI.

Mardhiah Yahaya (2017). *Penilaian Program Tahfiz Ulul Albab Di Maktab Rendah Sains MARA*. (Tesis Sarjana) Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Mohamad Marzuqi Abd Rahim. (2008). Pengajaran Mata Pelajaran Hafazan Al-Quran: Suatu Kajian Maahad Tahfiz Al-Quran Zon Tengah. Kertas Projek Sarjana: Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Noor Hisham Md Naw, Nur Azuki Yusuff, Mohd Binyamin Che Yaacob, Nasrul Hakim Salleh. (2014). *Matlamat dan Halatuju Sistem Pengjian Tahfiz di Kelantan; Satu Pengamatan wal*. 4th International Conference and Exhibition On Islamic Education 2014.